

01/05/2001

Setinggalan patut terima hakikat pembangunan

APABILA berlaku pergaduhan di Jalan Klang lama, Selangor, khususnya di Kampung Medan baru-baru ini, ia dikaitkan dengan masalah sosioekonomi penduduk setinggalan. Minggu lalu, apabila banjir kilat melanda sekitar bandaraya Kuala Lumpur, sekali lagi ia dikaitkan dengan masalah penempatan setinggalan yang menghalang proses pembangunan berjalan lancar. Ini menunjukkan selagi masalah setinggalan tidak diatasi, ia akan mencetuskan lebih banyak masalah pada masa akan datang. Kewujudan setinggalan boleh mengancam kesejahteraan hidup rakyat, menjejaskan taraf kesihatan di samping membawa imej buruk bagi negara. Malah, kewujudan mereka boleh menjejaskan keselamatan nasional.

Oleh itu, langkah untuk membersihkan kawasan setinggalan dianggap satu kemestian dalam konteks membangunkan sosioekonomi rakyat dan pembangunan negara. Agak menyedihkan, laluan untuk memindahkan penghuni setinggalan tidaklah semudah yang dijangka. Ini kerana masyarakat setinggalan dikelirukan oleh pihak tertentu yang meminta mereka supaya jangan berganjak daripada kawasan yang diduduki. Maka, timbullah tuntutan yang bukan-bukan kepada kerajaan, termasuk pampasan yang terlalu tinggi, sedangkan tanah yang mereka duduki tanpa geran itu adalah milik kerajaan.

Atas nama kemanusiaan, kerajaan terpaksa membiarkan mereka terus menduduki kawasan setinggalan yang kurang serba-serbi. Sepatutnya penduduk setinggalan secara sukarela memilih untuk ditempatkan di kawasan penempatan yang lebih selesa, tetapi akibat ada pihak luar, terutama parti pembangkang dan badan bukan kerajaan (NGO) mempengaruhi pemikiran mereka, kerajaan sentiasa beralah.

Jawatankuasa Khas Mengenai Setinggalan yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu serius untuk menangani masalah setinggalan di negara ini, tetapi selagi penghuni setinggalan tidak dapat menerima hakikat bahawa mereka tidak boleh terus menerus tinggal di kawasan yang daif, selagi itulah masalah mereka tidak boleh diatasi. Keselamatan nyawa dan harta benda keluarga di kawasan setinggalan yang tidak teratur, sentiasa dalam bahaya.

Apabila berlaku sesuatu kebakaran, api dengan mudah merebak dan terbukti anak menjadi korban. Apabila berlaku banjir pula, anak mungkin menjadi mangsa dihanyutkan oleh air longkang yang deras atau sungai berdekatan. Sepatutnya peristiwa pahit seperti itu dapat mengubah sikap penghuni setinggalan sekiranya mereka mementingkan keselamatan keluarga. Penghuni setinggalan seharusnya memikirkan bahawa anak mereka yang dalam proses pembesaran memerlukan persekitaran yang sihat.

Anak akan mengalami tekanan jiwa sekiranya terus hidup di kawasan setinggalan, apatah lagi membandingkan kehidupan rakan sebaya mereka yang tinggal di kawasan perumahan yang tersusun. Soal kemampuan tidak sepatutnya dijadikan isu. Dalam merancang pembangunan, kerajaan turut mengambil kira pendapatan penduduk setinggalan. Sekali pun benar-benar tidak mampu memiliki rumah yang harganya tidak melebihi RM25,000 sebuah, kerajaan mungkin boleh memikirkan cara yang lebih sesuai untuk membantu mereka, asalkan mereka bertekad mahu mengubah kehidupan.

(END)